

## **Hubungan antara Sikap Membaca, Persekutaran Pembelajaran dan Amalan Pengajaran Guru dengan Pencapaian Kefahaman Bacaan Bahasa Arab Murid**

### ***The Relationship between Reading Attitude, Learning Environment and Teacher Teaching Practices with the Achievement of Arabic Reading Comprehension Among Students***

**Kamarulzaman Abdul Ghani<sup>1</sup> & Wan Sakiah Binti Wan Ngah<sup>2</sup>**

*Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan*

*Jabatan Bahasa Arab, Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam Bangi*

*kamarulzaman@umk.edu.my<sup>1</sup> & wan\_sakiah@yahoo.com<sup>2</sup>*

#### **ABSTRACT**

This study examines the relationship between presage, process and product factors in the teaching and learning of J-QAF Arabic reading comprehension by adapting the Dunkin & Biddle Classroom Teaching Model which was refurbished by Biggs (1987). The main purpose of the study is to examine the relationship between preset factors (reading attitude and learning environment), and process factors (teaching practices) with product factors (achievement). This study has used quantitative approaches as the main approach. The study involved a five-year Arabic j-QAF (676 students) in national schools in Peninsular Malaysia. The research instrument consists of student questionnaire and Arabic language reading comprehension test. The scale used in the questionnaire was a seven-point Likert scale. The descriptive findings of the study showed that students' reading attitudes were at a moderate level, the students' learning environment was at moderate level, the practice of teaching (student perception) was moderate and the achievement of the students was good. The correlation test showed that there was a significant relationship in all study hypotheses, except on the relationship between teaching practice and achievement. The implication of this study is the practice of teaching Arabic reading comprehension should be done more effectively to provide students with the ability to understand Arabic language reading and to express their interest in the reading attitude which will lead to the mastery of the understanding of Arabic reading comprehension.

**Keywords:** reading attitude, learning environment, teaching practice, reading comprehension, Arabic, j-Qaf

#### **ABSTRAK**

Kajian ini mengkaji hubungan antara faktor presage, proses dan produk dalam pengajaran dan pembelajaran kefahaman bacaan bahasa Arab (BA) j-QAF dengan mengadaptasikan Model Pengajaran Bilik Darjah Dunkin & Biddle yang diperbaharui oleh Biggs (1987). Tujuan utama kajian ialah untuk mengkaji hubungan yang wujud antara faktor presage (sikap membaca dan persekitaran pembelajaran), dan faktor proses (amalan pengajaran) dengan faktor produk (pencapaian). Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif sebagai pendekatan utama. Kajian ini melibatkan murid tahun lima BA j-QAF (676 orang) di sekolah-sekolah kebangsaan di Semenanjung Malaysia. Instrumen kajian terdiri daripada soal selidik murid dan ujian kefahaman bacaan bahasa Arab. Skala yang digunakan dalam soal selidik merupakan skala Likert tujuh mata. Dapatkan deskriptif kajian menunjukkan tahap sikap membaca murid berada pada tahap sederhana, persekitaran pembelajaran murid berada pada tahap sederhana, amalan pengajaran (persepsi murid) berada pada tahap sederhana dan pencapaian murid adalah baik. Dapatkan ujian korelasi pula menunjukkan wujud hubungan yang signifikan dalam kesemua hipotesis kajian, kecuali pada hubungan antara amalan pengajaran dengan pencapaian. Implikasi kajian ini adalah amalan pengajaran kefahaman bacaan Bahasa

Arab perlu dijalankan dengan lebih berkesan bagi menyediakan murid yang lebih berkebolehan dalam memahami bahan bacaan BA dan melahirkan minat yang tinggi terhadap sikap membaca yang seterusnya akan menjurus kepada penguasaan yang cemerlang dalam kefahaman bacaan BA.

Kata Kunci: sikap membaca, persekitaran pembelajaran, amalan pengajaran, kefahaman bacaan, bahasa Arab, j-Qaf

## **PENDAHULUAN**

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di peringkat sekolah kebangsaan telah dilaksanakan secara rasminya pada tahun 1998, hasil daripada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Pusat pada November 1996. (Surat Pekeling Ikhtisas Bil. 9/1998). kurikulum bahasa Arab di sekolah kebangsaan telah melalui beberapa peringkat perkembangan dan penambahbaikan. Bertitik tolak dengan projek rintis pada tahun 1997 di 98 buah sekolah kebangsaan di seluruh negara, pelaksanaan P&P Bahasa Arab telah mula dilaksanakan secara berperingkat.

Pelaksanaan P&P Bahasa Arab di Sekolah Kebangsaan diteruskan lagi melalui pelaksanaan Program j-QAF (Jawi, Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain) di sekolah rendah pada tahun 2005. Program j-QAF ini melibatkan murid Tahun 1 di sekolah-sekolah rendah terpilih. Pelaksanaan program ini telah diikuti oleh sekolah- sekolah lain pada tahun-tahun berikutnya secara berperingkat-peringkat. (Surat Pekeling Ikhtisas Bil 13/2004).

Antara objektif khusus yang dicapai dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab ialah yang terdapat dalam Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Arab Tahun Lima (Bahagian Pembangunan Kurikulum 2010) ialah membaca perkataan dan ayat dengan bacaan yang betul dan faham. Berdasarkan objektif ini, kajian ini memfokuskan kepada penguasaan murid dalam kemahiran kefahaman bacaan perkataan dan ayat yang terdapat dalam sukanan pelajaran bahasa Arab.

Penguasaan kemahiran membaca ditekankan terutamanya dalam penguasaan bahasa kedua. Harison (2010) menyatakan kemahiran membaca merupakan alat mempelajari bahasa kedua serta dapat memajukan dan memantapkan penguasaan bahasa kedua. Merujuk kepada konteks pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia, kemahiran membaca merupakan salah satu kemahiran berbahasa yang perlu dikuasai oleh murid dalam mempelajari bahasa asing (Nik Mohd Rahimi & Kamarulzaman 2002) kerana ia merupakan kemahiran sering dipraktikkan dalam pembelajaran bahasa asing berbanding dengan kemahiran-kemahiran bahasa yang lain (Nik Mohd Rahimi 1998).

Penekanan kepada penguasaan bahasa Arab secara umumnya dan kemahiran membaca secara khususnya di peringkat sekolah rendah lagi ini diharap membantu penguasaan murid dalam kemahiran membaca pada peringkat seterusnya, terutamanya dalam meningkatkan pengetahuan pelajar dalam bidang keilmuan yang lain seperti syariah dan ilmu moden (Bahagian Pembangunan Kurikulum 2010). Namun begitu, tinjauan literatur menunjukkan penekanan terhadap kajian tentang kemahiran membaca telah diberikan dalam aspek penguasaan murid dalam kemahiran membaca secara nyaring, namun kurang penekanan terhadap kemahiran kefahaman bacaan bahasa Arab terutamanya dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab j-QAF.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Kefahaman terhadap bacaan bukan sahaja penting dalam pembelajaran bahasa ibunda (Marohaini 1999) malah dalam pembelajaran bahasa kedua (Harison 2010). Pembelajaran Bahasa Arab di

Malaysia merupakan pembelajaran bahasa kedua yang turut tidak terkecuali dalam menekankan aspek kefahaman bacaan Bahasa Arab. kajian-kajian sebelum ini membuktikan wujud masalah dalam kalangan murid j-QAF dalam penguasaan kefahaman bacaan Bahasa Arab (Ibrahim et. al 2009 & Rusni 2007).

Masalah penguasaan kefahaman bacaan Bahasa Arab bukan sahaja dialami oleh murid Bahasa Arab j-QAF, malah turut dialami oleh pelajar di peringkat yang lebih tinggi iaitu di peringkat sekolah menengah (Sariza 2007, Nik Mohd Rahimi & Kamarulzaman 2002 & Raja Mohd Fauzi et al 1999) dan juga di peringkat universiti (Raja Mohd Fauzi et al 1999). Kelemahan pelajar dalam penguasaan kefahaman bacaan Bahasa Arab di peringkat yang lebih tinggi adalah rentetan mereka tidak mempunyai asas yang kukuh di peringkat sekolah rendah. Perkara ini dibuktikan menerusi kajian yang telah dijalankan oleh Rusni (2007) yang mendapati murid-murid bahasa Arab program j-QAF mempunyai masalah dalam memahami maksud perkataan dan ayat yang dipelajari. Manakala dapatan terkini yang dijalankan terhadap pencapaian murid kemahiran kefahaman bacaan bahasa Arab program j-QAF dijalankan oleh Ibrahim et al. (2009). Hasil kajian menunjukkan 65.3 peratus kefahaman murid berada pada tahap yang sangat lemah.

Kajian- kajian lepas menunjukkan pencapaian murid dalam sesuatu pelajaran mempunyai hubungan dengan amalan pengajaran guru dalam bilik darjah. (Dunkin & Biddle (1974, Nik Mohd Rahimi 2005; Mohd. Aderi 2008). Selain itu penguasaan kefahaman bacaan Bahasa Arab juga dilihat dari aspek faktor dalam murid yang mempengaruhi murid. Perkara ini sejajar dengan saranan Dunkin dan Biddle (1974) yang menyatakan ciri-ciri yang ada pada murid mempengaruhi tingkah laku mereka dalam bilik darjah dan pencapaian mereka dalam pelajaran.

Selain daripada faktor dalaman seperti sikap membaca, persekitaran pembelajaran kefahaman bacaan Bahasa Arab juga dilihat memainkan peranan penting dalam penguasaan kefahaman bacaan Bahasa Arab. Perkara ini dibuktikan menerusi kajian sebelum ini yang membuktikan wujud perkaitan antara persekitaran pembelajaran dengan pencapaian murid dalam pembelajaran (Majdah 2011; Mohd Aderi 2008; Sharifah Fatimah 2002; Dunkin & Biddle 1974). Isu kelemahan murid Bahasa Arab j-QAF yang dalam penguasaan kefahaman bacaan Bahasa Arab sangat kritikal perlu dikesan segera puncanya, kerana menjadi tapak asas kepada tahap kefahaman yang lebih tinggi. Justeru berdasarkan sorotan literatur dan kajian – kajian yang telah dijalankan, pengkaji mendapati wujud pelbagai faktor yang saling berhubungan dalam memastikan pencapaian murid yang cemerlang dalam kefahaman bacaan Bahasa Arab j-QAF.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap sikap membaca pelajar, amalan pengajaran guru dan persekitaran pembelajaran serta hubungan dengan pencapaian murid dalam kefahaman bacaan bahasa Arab dalam program j-QAF. Bagi menjawab semua persoalan kajian yang telah digariskan pengkaji memilih pendekatan kuantitatif sebagai pendekatan utama kajian. melibatkan penggunaan kaedah tinjauan. Kajian ini dijalankan di sekolah kebangsaan yang menjalankan program j-QAF di Semenanjung Malaysia dan dibahagikan mengikut zon seperti yang dicadangkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Zon – zon tersebut ialah Zon Timur, Zon Tengah, Zon Utara dan Zon Selatan.

Populasi bagi kajian ini ialah semua pelajar tahun lima yang mengambil bahasa Arab program j-QAF di sekolah kebangsaan di Semenanjung Malaysia iaitu seramai 96660 orang murid. Bagi pengiraan saiz sampel untuk murid, pengkaji menggunakan kaedah yang sama iaitu menggabungkan kaedah pensampelan rawak berlapis dan berkelompok. Seramai 60 orang murid telah dipilih

secara rawak bagi setiap sekolah yang mewakili pelbagai pencapaian. Pemilihan 60 orang murid adalah bagi meraikan jumlah minimum yang lazim bagi murid tahun lima bagi sesebuah sekolah. Oleh yang demikian, jumlah keseluruhan sampel murid ialah 720 orang. Jumlah sampel yang ditentukan juga memenuhi syarat minimum sampel yang ditentukan oleh Krejcie dan Morgan (1970) bagi populasi seramai 100000 orang, saiz sampel ialah 384 orang. Memandangkan populasi murid tahun lima j-QAF adalah seramai 96660, maka jumlah sampel yang dipilih adalah lebih dari mencukupi.

Soal selidik murid dibina bagi mengukur tiga pemboleh ubah utama: amalan pengajaran guru dari perspektif murid, sikap membaca murid dan persekitaran pembelajaran. Selain itu instrumen ujian kemahiran kefahaman bacaan juga dibina oleh pengkaji dengan mengambil kira topik-topik yang dipelajari dalam kurikulum bahasa Arab tahun lima j-QAF. Pengkaji membina sendiri ujian kefahaman bacaan Bahasa Arab kerana ujian ini berbeza dengan ujian sedia ada yang diguna pakai oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Kedua-dua instrumen ini telah melalui proses kesahan dan ujian kebolehpercayaan. Soal selidik kajian ini telah melibatkan beberapa orang pakar yang mempunyai kepakaran dan pengalaman luas dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab untuk menilai kesahan muka (face validity), kesahan isi kandungan (content validity) dan kesahan konstruk. Manakala dalam membentuk ujian kemahiran kefahaman bacaan bahasa Arab, pengkaji mengadaptasi bentuk soalan yang digunakan dalam Penilaian Kendalian Sekolah Rendah Tahun Lima yang dikelolakan oleh Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia. Selain daripada itu, ujian yang dibina juga mengambil kira kecerdasan murid agar tidak terlalu sukar dan tidak terlalu senang dan bersesuaian dengan tahap kefahaman murid.

Bagi menguji kebolehpercayaan instrumen soal selidik nilai pekali alpha yang diperoleh hasil daripada kajian rintis yang telah dijalankan di tunjukkan oleh Jadual 1:

*Jadual 1: Kebolehpercayaan Soal Selidik*

<b>Soal selidik murid</b>	<b>Keseluruhan /Sub konstruk</b>	<b>Nilai pekali alpha</b>
	Keseluruhan	0.873
	Amalan pengajaran	0.778
	Sikap membaca	0.846
	Persekutaran pembelajaran	0.764

Bagi menguji kebolehpercayaan set ujian pula pengkaji akan menggunakan langkah penentuan kebolehpercayaan ujian kemahiran membaca bahasa Arab dengan membina soalan yang pelbagai kategori yang diperhatikan bersesuaian dengan murid sekolah rendah dan mengikut panduan yang telah digariskan oleh Bahagian Pendidikan Islam, KPM. Abd Rashid dan Siti Rahayah (2001) menyatakan lebih panjang masa ujian, maka lebih tinggi nilai kebolehpercayaan alat ukur. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji memperuntukkan masa yang fleksibel untuk responden semasa menjalani ujian kemahiran kefahaman bacaan bahasa Arab. Oleh itu, pelaksanaan ujian tidak terikat dengan tempoh masa. Memandangkan ujian dibentuk merupakan ujian yang berbentuk objektif, maka pengkaji akan menyediakan skema jawapan bagi setiap soalan yang dikemukakan. Ketekalan dalaman ujian KBBA turut diuji menggunakan Formula Kuder- Richardson 20 (KR-20). Indeks reabiliti KR-21 yang diperoleh ialah 0.866 menunjukkan, instrumen ini sesuai untuk digunakan.

Analisis deskriptif digunakan untuk menganalisis soal selidik dan ujian kemahiran membaca bahasa Arab. Bagi penilaian pencapaian murid dalam kefahaman bacaan, pengkaji membina soalan yang mengandungi 40 markah. Penilaian markah dan gred akan dibuat berdasarkan Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (SAPS) bagi sekolah rendah. Bagi mencari hubungan korelasi dalam kajian ini, analisis korelasi Pearson digunakan.

Bagi menjawab persoalan kajian tentang tahap amalan pengajaran guru, sikap membaca murid dan persekitaran pembelajaran kemahiran membaca bahasa Arab, pengkaji menggunakan interpretasi skor min seperti dalam Jadual 2. Interpretasi skor min tersebut diubahsuai daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) 2006).

Jadual 2: *Interpretasi Skor Min*

Min	Interpretasi
5.9 – 7.00	Sangat Tinggi
4.7 – 5.8	Tinggi
3.5 – 4.6	Sederhana
2.3 – 3.4	Rendah
1 – 2.2	Sangat Rendah
Jumlah	

(Ubahsuai daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) 2006)

Seterusnya bagi penilaian pencapaian murid dalam kefahaman bacaan, keterangan bagi gred-gred yang diperoleh adalah mengikut panduan yang telah ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (2010) bagi Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Jadual 3 menerangkan bagaimana penentuan gred dan keterangan gred dilakukan.

Jadual 3: *Tahap pencapaian kemahiran kefahaman bacaan bahasa Arab*

Markah	Tahap Pencapaian
1-19	Sangat Lemah
20-39	Lemah
40-59	Sederhana
60-79	Baik
80-100	Sangat baik

(Sumber: Lembaga Peperiksaan Malaysia 2010)

## DAPATAN KAJIAN

Jadual 4 menjelaskan min keseluruhan sikap membaca ialah 4.10. Jadual 4 juga menunjukkan perbezaan skor min berdasarkan kedua-dua sub konstruk dalam sikap membaca. Merujuk kepada Jadual 5, skor min tertinggi adalah bagi sub konstruk sikap membaca umum ( $\text{min}=4.40$ , sisihan piawai=1.33), manakala skor min bagi sub konstruk sikap membaca bahasa Arab pula ialah 3.90, sisihan piawai 1.38. Walau bagaimanapun, skor min bagi kedua-dua sub konstruk berada pada tahap yang sama iaitu sederhana.

Jadual 4: *Perbezaan Skor Min Berdasarkan Konstruk Dan Subkonstruk Sikap Membaca Murid*

<b>Konstruk</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>	<b>Tahap</b>
Sikap Membaca	4.10	1.20	Sederhana
<b>Subkonstruk</b>			
Sikap Membaca Umum	4.40	1.33	Sederhana
Sikap Membaca Bahasa Arab	3.90	1.38	Sederhana

Bagi tahap amalan pengajaran guru dapat dijelaskan seperti mana pada Jadual 5. Berdasarkan Jadual 5, frekuensi skor min tertinggi amalan pengajaran menurut persepsi murid berada pada tahap sederhana (43.8%), iaitu 296 orang. Manakala frekuensi skor min terendah berada pada tahap sangat rendah iaitu hanya 1 orang (0.1%).

*Jadual 5: Taburan Skor Amalan Pengajaran Guru Menurut Persepsi Murid*

<b>Min</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus</b>	<b>Interpretasi</b>
<b>5.9 – 7.00</b>	34	5.1	Sangat Tinggi (ST)
<b>4.7 – 5.8</b>	292	43.2	Tinggi (T)
<b>3.5 – 4.6</b>	296	43.8	Sederhana (S)
<b>2.3 – 3.4</b>	53	7.8	Rendah (R)
<b>1 – 2.2</b>	1	0.1	Sangat Rendah (SR)
<b>Jumlah</b>	<b>365</b>	<b>100%</b>	

*(Ubahsuai daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) 2006)*

Jadual 6 pula menjelaskan min keseluruhan amalan pengajaran menurut persepsi murid adalah 4.53, sisihan piawai 0.80. Jadual 3 juga menunjukkan perbezaan skor min berdasarkan ketiga-tiga subkonstruk dalam amalan pengajaran kefahaman bacaan bahasa Arab. Jadual 6 menunjukkan hanya satu sub konstruk berada pada tahap tinggi (teknik bacaan kelas), manakala dua lagi sub konstruk berada pada tahap sederhana (strategi pengajaran 3S kemahiran menyoal).

*Jadual 6: Perbezaan Skor Min Berdasarkan Konstruk dan Subkonstruk Amalan Pengajaran Guru Menurut Persepsi Murid*

<b>Konstruk</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>	<b>Tahap</b>
Amalan Pengajaran	4.53	0.80	Sederhana
<b>Subkonstruk</b>			
Strategi 3S	4.53	0.79	Sederhana
Sebelum Bacaan	4.46	0.87	Sederhana
Semasa Bacaan	4.79	1.10	Tinggi
Selepas Bacaan	4.84	1.07	Tinggi
Kemahiran Menyoal	4.22	0.93	Sederhana
Teknik Bacaan Kelas	4.82	1.20	Tinggi

Seterusnya, Jadual 7 pula memaparkan min keseluruhan bagi persekitaran pembelajaran ialah 3.75, sisihan piawai 1.21. Jadual 7 turut menunjukkan perbezaan skor min berdasarkan ketiga-tiga subkonstruk dalam persekitaran pembelajaran kefahaman bacaan Bahasa Arab. Skor min tertinggi adalah bagi sub konstruk persekitaran sekolah (min=4.04, sisihan piawai=1.34), seterusnya diikuti dengan persekitaran ibu bapa/ keluarga (min=3.58, sisihan piawai=1.57) dan

persekitaran komuniti ( $\text{min}=3.24$ , sisihan piawai=1.61). Jadual 7 menunjukkan hanya satu sub konstruk berada pada tahap rendah (persekitaran komuniti), manakala dua lagi sub konstruk berada pada tahap sederhana (persekitaran ibu bapa/keluarga dan persekitaran sekolah).

Jadual 7: Perbezaan Skor Min Berdasarkan Konstruk dan Subkonstruk Persekitaran Pembelajaran

Konstruk	Min	Sisihan Piawai
Persekitaran Pembelajaran	3.75	1.21
<b>Subkonstruk</b>		
Ibu bapa/ keluarga	3.58	1.57
Sekolah	4.04	1.34
Komuniti	3.24	1.61

Dapatan pencapaian murid dalam kefahaman bacaan bahasa Arab pula, berdasarkan 40 soalan yang dikemukakan, ia dapat dijelaskan seperti mana pada Jadual 8. Majoriti pencapaian murid dalam kefahaman bacaan bahasa Arab ialah pada tahap Baik (gred B), iaitu 235 orang (34.8%). Manakala 180 orang (26.6%) orang murid berada pada tahap Sangat Baik (gred A), 155 (22.93%) orang berada pada tahap Sederhana (gred C), 95 orang (14.1%) orang murid berada pada tahap Lemah dan hanya 11 orang(1.63%) orang murid berada pada tahap Sangat Lemah.

Jadual 8: Taburan Skor Pencapaian Murid

Skor Markah	Gred	Frekuensi	Peratus	Interpretasi
80-100	A	180	26.6	Sangat Baik
60-79	B	235	34.8	Baik
50-59	C	155	22.9	Sederhana
20-49	D	95	14.1	Lemah
0-19	E	11	1.6	Sangat Lemah
Jumlah		676	100	

(Sumber: Lembaga Peperiksaan Malaysia 2010)

Manakala tinjauan terhadap hubungan antara sikap membaca pelajar, amalan pengajaran guru dan persekitaran pembelajaran dengan pencapaian murid dalam kefahaman bacaan bahasa Arab (KBBA) dalam program j-QAF, dapatan pada Jadual 9 menunjukkan nilai korelasi ialah  $r = .212$ . Di samping itu, dapatan menunjukkan korelasi juga berada pada tahap lemah. Seterusnya nilai korelasi ( $r$ ) di kuasa duakan bagi memperoleh nilai varian yang dikongsi bersama antara pemboleh ubah yang dikaji. Dapatan ini menunjukkan nilai varian yang dikongsi antara pemboleh ubah yang dikaji ialah 4.5%. Manakala nilai signifikan ( $p$ ) pula menunjukkan nilai 0.000, iaitu lebih kecil daripada nilai alpha (0.001). Dapatan ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan namun pada tahap yang lemah antara pemboleh ubah sikap membaca murid dengan pencapaian KBBA murid. Hal ini bermakna, sikap membaca kurang memberi kesan terhadap pencapaian murid. Namun begitu, sikap membaca masih dianggap penting kerana mempunyai perkaitan yang langsung dengan pencapaian murid.

Jadual 9: Hubungan antara Sikap Membaca dan Pencapaian KBBA

	r	r <sup>2</sup>	p
Sikap Membaca Pencapaian	0.212	0.045	0.000

*Signifikan pada aras 0.001*

Secara lebih khusus, Jadual 10 menerangkan dengan lebih jelas sub- sub konstruk dalam sikap membaca murid serta hubungannya yang signifikan dengan pencapaian KBBA. Berdasarkan Jadual 10, subkonstruk sikap membaca Bahasa Arab menunjukkan hubungan signifikan yang lebih kuat ( $r = 0.213$ ) dengan pencapaian KBBA berbanding dengan subkonstruk sikap membaca umum ( $r = 0.152$ ).

Jadual 10: *Hubungan Antara Sub Konstruk Sikap Membaca Dengan Pencapaian*

Sub Konstruk Sikap Membaca	Korelasi (R)	P
Sikap Membaca Umum	0.152	0.000
Sikap Membaca Bahasa Arab	0.213	0.000

*Signifikan pada aras 0.001*

Hubungan antara amalan pengajaran guru dengan pencapaian KBBA, dapatan pada Jadual 11 menunjukkan nilai korelasi ialah  $r = -0.049$ , yang mana menunjukkan kecerunan negatif dan korelasi adalah berkadar songsang. Di samping itu, dapatan menunjukkan korelasi juga berada pada tahap sangat lemah. Seterusnya nilai korelasi ( $r$ ) di kuasa duakan bagi memperoleh nilai varian yang dikongsi bersama antara pemboleh ubah yang dikaji. Dapatan ini menunjukkan nilai varian yang dikongsi antara pemboleh ubah yang dikaji ialah 0.2%. Manakala nilai signifikan ( $p$ ) pula menunjukkan nilai 0.201, iaitu lebih besar daripada nilai alpha (0.001). Dapatan ini menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah amalan pengajaran guru dengan pencapaian kefahaman bacaan bahasa Arab murid.

Jadual 11: *Hubungan antara Amalan Pengajaran Guru dengan Pencapaian KBBA*

	r	r <sup>2</sup>	P
Amalan Pengajaran Pencapaian	-0.049	0.002	.201

Analisis korelasi dijalankan bagi melihat hubungan yang lebih mendalam antara pencapaian dan sub konstruk-sub konstruk dalam amalan pengajaran. Pengujian korelasi terhadap sub konstruk yang pertama, iaitu strategi pengajaran 3S menunjukkan nilai korelasi ialah  $r = -0.52$ , yang mana menunjukkan kecerunan negatif dan korelasi adalah berkadar songsang. Di samping itu, dapatan menunjukkan korelasi juga berada pada tahap sederhana. Seterusnya nilai korelasi ( $r$ ) di kuasa duakan bagi memperoleh nilai varian yang dikongsi bersama antara pemboleh ubah yang dikaji. Dapatan ini menunjukkan nilai varian yang dikongsi antara pemboleh ubah yang dikaji ialah 0.3%. Manakala nilai signifikan ( $p$ ) pula menunjukkan nilai 0.108, iaitu lebih besar daripada nilai alpha (0.01). Dapatan ini menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sub konstruk strategi pengajaran 3S dengan pencapaian kefahaman bacaan bahasa Arab murid.

Pengujian korelasi bagi sub konstruk yang kedua, iaitu kemahiran menyoal menunjukkan nilai korelasi ialah  $r = -.089$ , yang mana turut menunjukkan kecerunan negatif dan korelasi adalah berkadar songsang. Di samping itu, dapatan menunjukkan korelasi juga berada pada tahap

lemah. Seterusnya nilai korelasi ( $r$ ) di kuasa duakan bagi memperoleh nilai varian yang dikongsi bersama antara pemboleh ubah yang dikaji. Dapatan ini menunjukkan nilai varian yang dikongsi antara pemboleh ubah yang dikaji ialah 0.8%. Manakala nilai signifikan ( $p$ ) pula menunjukkan nilai 0.021, iaitu lebih kecil daripada nilai alpha (0.05). Dapatan ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara sub konstruk kemahiran menyoal dengan pencapaian kefahaman bacaan bahasa Arab murid, namun pada tahap yang lemah. Hal ini bermakna kemahiran menyoal kurang memberikan kesan terhadap pencapaian murid.

Pengujian korelasi bagi sub konstruk yang ketiga, iaitu teknik bacaan kelas menunjukkan nilai korelasi ialah  $r = 0.55$ , yang mana menunjukkan kecerunan positif dan korelasi adalah berkadar terus. Di samping itu, dapatan menunjukkan korelasi juga berada pada tahap sederhana. Seterusnya nilai korelasi ( $r$ ) di kuasa duakan bagi memperoleh nilai varian yang dikongsi bersama antara pemboleh ubah yang dikaji. Dapatan ini menunjukkan nilai varian yang dikongsi antara pemboleh ubah yang dikaji ialah 0.3%. Manakala nilai signifikan ( $p$ ) pula menunjukkan nilai 0.155, iaitu lebih besar daripada nilai alpha (0.001). Dapatan ini menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sub konstruk teknik bacaan kelas dengan pencapaian kefahaman bacaan bahasa Arab murid.

Berdasarkan pengujian korelasi terhadap ketiga-tiga sub konstruk, dapatan menunjukkan dua sub konstruk amalan pengajaran iaitu strategi pengajaran dan teknik bacaan tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian, namun bagi sub konstruk kemahiran menyoal terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran menyoal dengan pencapaian. Walau bagaimanapun, hubungan yang wujud adalah berkadar songsang dan berada pada tahap lemah. Hal ini menunjukkan semakin kurang kemahiran menyoal yang digunakan semakin baik pencapaian murid. Jadual 12 menjelaskan dapatan yang diperoleh.

*Jadual 12: Hubungan antara Sub Konstruk Strategi Pengajaran 3S, Kemahiran Menyoal dan Teknik Bacaan Kelas Dengan Pencapaian*

	$r$	$r^2$	P
Strategi Pengajaran 3S	-.052	0.003	.180
Kemahiran Menyoal (Signifikan pada aras 0.05)	-.089	0.008	.021
Teknik Bacaan Kelas	.055	0.003	.155

Dalam meninjau hubungan antara persekitaran pembelajaran dengan pencapaian KBBA dapatan pada Jadual 13 menunjukkan nilai korelasi ialah  $r = 0.151$ , yang mana menunjukkan kecerunan positif dan korelasi adalah berkadar terus. Di samping itu, dapatan menunjukkan korelasi juga berada pada tahap yang lemah. Seterusnya nilai korelasi ( $r$ ) di kuasa duakan bagi memperoleh nilai varian yang dikongsi bersama antara pemboleh ubah yang dikaji. Dapatan ini menunjukkan nilai varian yang dikongsi antara pemboleh ubah yang dikaji ialah 2.3 %. Manakala nilai signifikan ( $p$ ) pula menunjukkan nilai 0.000, iaitu lebih kecil daripada nilai alpha (0.001). Dapatan ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah persekitaran pembelajaran dengan pencapaian kefahaman bacaan bahasa Arab murid walaupun pada tahap lemah. Hal ini bermakna, persekitaran pembelajaran kurang memberi kesan terhadap pencapaian murid. Namun begitu, persekitaran pembelajaran masih dianggap penting kerana mempunyai perkaitan yang langsung dengan pencapaian murid.

*Jadual 13: Hubungan Antara Persekutaran Pembelajaran Dan Pencapaian KBBA*

	r	r <sup>2</sup>	P
Persekutaran Pembelajaran Pencapaian	0.151	0.023	0.000

*Signifikan pada aras 0.001*

Secara lebih khusus, Jadual 14 menerangkan dengan lebih jelas sub-sub konstruk dalam persekitaran pembelajaran serta hubungannya yang signifikan dengan pencapaian kefahaman bacaan Bahasa Arab (KBBA). Berdasarkan Jadual 14, sub konstruk sekolah menunjukkan hubungan signifikan yang paling kuat ( $r = 0.144$ ) dengan pencapaian KBBA murid berbanding dengan sub konstruk-sub konstruk lain, iaitu ibu bapa ( $r = 0.140$ ) dan komuniti ( $r = 0.061$ ).

*Jadual 14: Hubungan Antara Sub Konstruk Persekutaran Pembelajaran Dengan Pencapaian*

Subkonstruk Persekutaran Pembelajaran	Korelasi (R)	P
Ibu bapa	0.140	0.000
Sekolah	0.144	0.000
Komuniti	0.061	0.000

*Signifikan pada aras 0.001*

## PERBINCANGAN

Sikap membaca merupakan salah satu ciri yang dimiliki murid yang mampu memberikan kesan terhadap penguasaan murid dalam sesuatu pembelajaran khususnya pembelajaran kemahiran membaca (Yahya, 2003, Bryant 1974, & Dunkin & Biddle 1974). Sikap suka membaca membina pengalaman yang luas kepada murid yang seterusnya membentuk skemata yang membantu murid dalam kefahaman bacaan (Harison 2010). Perkara ini dibuktikan menerusi hasil kajian ini yang mendapati keputusan ujian korelasi Pearson yang telah dijalankan menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara boleh ubah sikap membaca murid dengan pencapaian murid di mana  $r(676) = 0.21$ ,  $p<0.001$ . Nilai korelasi ini adalah pada tahap rendah dan menunjukkan kecerunan positif. Dapatan ini menunjukkan semakin tinggi skor sikap membaca seseorang murid itu semakin tinggi juga skor dalam pencapaian tersebut. Hal ini bermaksud, semakin positif sikap murid terhadap pembacaan akan membantu meningkatkan pencapaian murid dalam kefahaman bacaan Bahasa Arab. Dalam erti kata lain juga, pencapaian murid dalam kefahaman bacaan Bahasa Arab dipengaruhi oleh sikap murid terhadap pembacaan. Kajian ini adalah berpandukan kepada Model 3P Biggs yang diadaptasi, iaitu sikap membaca murid mewakili faktor input murid dalam kajian ini, manakala pencapaian murid mewakili faktor proses.

Analisis secara lebih terperinci mendapati sikap membaca bahasa Arab mempunyai hubungan yang lebih kuat ( $r = 0.213$ ) dengan pencapaian kefahaman bacaan Bahasa Arab, berbanding sikap membaca secara umum ( $r = 0.152$ ). Harison (2011) menjelaskan membaca membantu penguasaan kosa kata melalui pendedahan yang meluas terhadap bahan percetakan. Keluasan kosa kata bukan sahaja didapati memainkan peranan penting dalam menambahkan keberkesanan pemahaman pembacaan, malah mampu menambahkan keberkesanan bahasa pertuturan dan penulisan (Harison 2011). Oleh yang demikian pendedahan yang banyak terhadap bahan bacaan bahasa Arab bukan mampu memperkayakan kosa kata murid dalam bahasa Arab, malah mampu menambah kefahaman mereka terhadap pembacaan. Sikap membaca khususnya terhadap bahan bacaan

Bahasa Arab perlu sentiasa dipupuk dan dibugarkan kerana ia menjamin penguasaan murid yang cemerlang dalam kefahaman bacaan Bahasa Arab. Bahan bacaan Bahasa Arab perlu ditambah bilangannya dan diceriakan bagi menarik minat murid terhadap pembacaan bahan bacaan Bahasa Arab.

Peranan guru dalam menyampaikan pengajaran kepada muridnya sememangnya tidak dapat dinafikan. Guru bukan sahaja berperanan sebagai mudarris iaitu yang mengajar di dalam kelas malah turut berperanan sebagai muallim yang menyampaikan ilmu pengetahuan dan muaddib yang memberikan contoh teladan (Nurul Asiah Fasihah 2015). Berdasarkan Model 3P Biggs yang diadaptasi untuk kajian ini, amalan pengajaran guru mewakili faktor proses, manakala pencapaian murid mewakili faktor produk. Secara teorinya, Dunkin dan Biddle (1974) menjelaskan tingkah laku guru di dalam bilik darjah mampu memberikan kesan terhadap pembelajaran murid di dalam bilik darjah. Tingkah laku guru yang dipamerkan di dalam bilik darjah telah membentuk satu amalan pengajaran yang ditonton oleh murid di dalam bilik darjah. Justeru itu, amalan pengajaran guru yang merupakan faktor proses, merupakan satu medan pembelajaran bagi murid kerana pada masa pengajaran inilah sepatutnya berlaku interaksi dua hala antara guru dan murid, iaitu penyampaian pengajaran dan penerimaan pembelajaran. Namun begitu, kajian ini menunjukkan hasil yang bertentangan. Amalan pengajaran guru seolah-olah tidak memberikan kesan terhadap pengajaran murid. Hal ini dibuktikan oleh keputusan ujian korelasi Pearson yang telah dijalankan menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah amalan pengajaran guru dengan pencapaian murid di mana. Hal ini bermaksud, meskipun amalan pengajaran guru baik, namun ia tidak menjamin pencapaian cemerlang kepada murid. Justeru itu, hasil kajian ini didapati gagal menyokong teori yang menyatakan terdapat hubungan antara faktor proses dengan faktor produk (Dunkin & Biddle 1974, Biggs 1990). Dapatkan kajian ini juga didapati tidak selari dengan dapatan Paharudin (2015), Mohd Aderi (2008) dan Misnan (2008) yang menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara amalan pengajaran guru dengan pencapaian murid.

Dapatkan kajian ini menimbulkan pelbagai persoalan untuk dijawab. Bagi mendapatkan pandangan yang lebih jelas terhadap dapatkan pengujian korelasi ini, pengujian korelasi lanjutan dijalankan terhadap sub-sub konstruk yang terkandung di dalam amalan pengajaran. Hasil analisis menunjukkan kedua-dua sub konstruk teknik bacaan kelas dan strategi pengajaran 3S juga tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian. Hanya sub konstruk kemahiran menyayal menunjukkan wujud hubungan yang signifikan dengan pencapaian murid dalam kefahaman bacaan Bahasa Arab. Walau bagaimanapun, hubungan korelasi yang ditunjukkan menunjukkan hubungan yang negatif, iaitu pencapaian yang baik bukan disebabkan oleh semakin baik kemahiran menyayal yang dicadangkan, malah disebabkan oleh semakin rendah kemahiran menyayal yang dicadangkan.

Pengkaji mengandaikan dapatkan kajian ini terhasil disebabkan oleh beberapa faktor. Faktor pertama pada pandangan pengkaji adalah faktor kemahiran membaca itu sendiri. Kemahiran membaca adalah sedikit berbeza dengan kemahiran berbahasa yang lain iaitu kemahiran bertutur dan kemahiran menulis. Menurut Ryding (2013) kemahiran membaca seperti juga kemahiran mendengar merupakan kemahiran yang berasaskan kepada kefahaman dan bersifat penerimaan “receptive” berbanding dua kemahiran yang lain yang berasaskan kepada ekspresi dan bersifat produktif. Oleh itu perlulah disedari bahawa dalam pembelajaran kemahiran membaca murid memahami input yang diterima bukan sahaja daripada teks yang dibaca, malah daripada pengetahuan sedia ada atau pun dikenali dengan skemata. Dalam penguasaan terhadap kefahaman bacaan Bahasa Arab murid tidak bergantung sepenuhnya dengan pengajaran guru di dalam kelas, malah murid boleh meningkatkan penguasaan diri mereka sekiranya mereka mempunyai sikap rajin membaca dan memiliki ibu bapa atau masyarakat yang menyokong kepada budaya budaya membaca.

Faktor kedua yang dikenal pasti oleh pengkaji adalah wujudnya masalah dalam beberapa sub konstruk yang dikaji. Sub konstruk pertama ialah merujuk kepada sub konstruk teknik bacaan kelas. Walaupun sub konstruk ini menunjukkan ia merupakan amalan utama dalam pengajaran kefahaman bacaan Bahasa Arab (berdasarkan nilai min kekerapan amalan yang tertinggi), namun ia tidak dilaksanakan dengan cara yang berkesan. Hal ini bermaksud, amalan guru dalam teknik bacaan dalam kelas perlu mengikut prosedur yang dicadangkan dalam pengajaran kefahaman bacaan dengan sebenarnya. Perkara ini turut dibuktikan dengan hasil analisis korelasi yang dijalankan terhadap sub konstruk ini dengan pencapaian murid yang menunjukkan nilai yang tidak signifikan.

Selain daripada itu, pengkaji turut mendapati wujud masalah pada sub konstruk strategi pengajaran 3S yang mana tidak dilaksanakan dengan cara yang berkesan. Meskipun aktiviti sebelum, semasa dan selepas bacaan bukanlah sesuatu yang asing dalam pengajaran kerana setiap pengajaran pasti bermula dengan langkah pembukaan, perkembangan isi dan penutup pengajaran. Namun, apabila difokuskan terhadap aktiviti kefahaman bacaan, terdapat elemen yang didapati dilaksanakan dengan kurang sempurna meskipun mendapat skor min yang tinggi dalam soal selidik yang dikemukakan. Sebagai contoh item B19 dalam soal selidik murid menunjukkan bahawa guru sering memberikan perkataan atau petikan untuk dibaca sebagai kerja rumah kerana item tersebut mendapat skor yang min yang tinggi. Namun begitu, hasil daripada temu bual menjelaskan bahawa sebenarnya guru kurang menyemak tugas hafalan yang telah diberikan kepada murid kerana kekangan masa yang mereka hadapi. Justeru itu, meskipun banyak tugas yang diberikan, namun ia tidak memberikan makna sekiranya tugas tersebut tidak disemak dengan sebaiknya oleh guru.

Faktor ketiga pula adalah pengkaji mendapati wujud ketidak selarian antara amalan pengajaran kefahaman bacaan Bahasa Arab yang dicadangkan dalam kajian ini dengan bentuk penilaian yang digunakan di sekolah. Perkara ini dibuktikan oleh dapatan analisis korelasi terhadap sub konstruk kemahiran menyoal dengan pencapaian yang menunjukkan hubungan signifikan, namun bentuk hubungan adalah negatif. Setelah pengkaji menjalankan analisis korelasi yang lebih mendalam, pengkaji mendapat rasional yang lebih jelas terhadap dapatan ini. Hasil daripada ujian korelasi terhadap tiga elemen yang terdapat kemahiran menyoal, iaitu kemahiran menyoal bersifat teks eksplisit, teks implisit dan skrip implisit, menunjukkan elemen penyoalan yang bersifat teks eksplisit mempunyai hubungan yang positif dengan pencapaian, manakala dua elemen yang bersifat implisit menunjukkan hubungan yang negatif dengan pencapaian. Dengan ini dapatlah difahami bahawa penyoalan yang berbentuk eksplisit lebih memberikan kesan kepada pencapaian pelajar, berbanding dengan penyoalan yang berbentuk implisit.

Pengkaji mengandaikan dapatan ini adalah berikutan dengan bentuk penilaian yang digunakan di dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada sukanan pelajaran Bahasa Arab tahun lima KBSR dan mengikut empat peringkat kefahaman dalam kemahiran membaca yang perlu dikuasai oleh murid iaitu kefahaman perkataan tanpa konteks atau secara leksikal, kefahaman perkataan dalam konteks, kefahaman ayat, dan kefahaman petikan. Jawapan bagi soalan yang dikemukakan telah dinyatakan secara eksplisit, bagi meraikan bentuk penilaian yang di gunakan di sekolah. Hal ini kerana jawapan yang berbentuk implisit adalah begitu asing dengan murid Bahasa Arab di sekolah kebangsaan dan sekiranya diaplikasikan dikhawatir ia berada di luar tahap pembelajaran mereka.

Justeru, hal ini menampakkan tahap kefahaman murid Bahasa Arab sememangnya berada pada tahap eksplisit sahaja. Hal ini adalah berikutan mereka tidak dilatih untuk memahami lebih daripada kefahaman yang terdapat di dalam teks. Perkara ini didapati bertentangan dengan pandangan yang menyatakan kefahaman secara implisit perlu juga dititikberatkan dalam

pengajaran dan pembelajaran sekolah rendah (Miller 2006, Jenkinson 1978). Miller (2006) menyatakan murid sekolah rendah mampu menjawab soalan berbentuk implisit yang mana jawapannya tidak dinyatakan secara tersurat di dalam teks.

Namun begitu, persoalannya adakah sesuai kefahaman pada tahap implisit ini diterapkan dalam pembelajaran Bahasa Arab j-QAF, yang mana Bahasa Arab dipelajari sebagai bahasa kedua. Jawapan pertama adalah ia sesuai dilaksanakan sekiranya matlamat utama pengajaran kemahiran membaca dilihat jauh ke hadapan, iaitu membentuk murid yang mempunyai minat terhadap pembacaan Bahasa Arab dan mampu berdikari dalam pembacaan. Manakala jawapan kedua adalah kurang sesuai apabila pengajaran Bahasa Arab dilihat untuk mencapai matlamat jangka pendek, iaitu mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan yang dijalankan. Hal ini adalah kerana bentuk penilaian yang terdapat dalam kurikulum j-QAF lebih bersifat tersurat berbanding jawapan berbentuk tersirat. Penggunaan penyoalan yang terdapat di dalam buku teks juga mempraktikkan bentuk penyoalan yang sama. Justeru itu, keperluan untuk menerapkan unsur-unsur penyoalan secara implisit “dipandang sepi” oleh guru Bahasa Arab j-QAF, walaupun ia di dapat bertentangan dengan elemen Kemahiran Berfikir secara Kreatif dan Kritis (KBKK) yang dicadangkan dalam pembelajaran KBSR.

Meskipun sesuatu pengajaran dilaksanakan oleh guru Bahasa Arab berulang kali dan menjadi amalan utama pada setiap kali pengajarannya, namun ia tidak menjanjikan pencapaian yang cemerlang oleh murid sekiranya tidak dilaksanakan dengan sempurna dan berkesan. Oleh yang demikian, dapatan ini tidaklah memberi maksud bahawa pengajaran guru itu tidak penting, namun bentuk pelaksanaannya haruslah dilaksanakan secara bersungguh-sungguh dan tidak mengambil sikap sambil lewa sahaja.

Peranan persekitaran dalam menyokong pembelajaran murid sememangnya tidak dapat dinafikan (Dunkin & Biddle 1974 dan Abdul Raof 1993). Harison (2011) menyatakan ibu bapa memainkan peranan yang kritikal dalam pembelajaran kemahiran membaca apabila mereka berperanan dalam memperuntukkan masa membaca dengan ahli keluarga serta mewujudkan suasana membaca yang menarik minat anak mereka kepada pembacaan.

Keputusan ujian korelasi Pearson yang telah dijalankan menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara boleh ubah persekitaran pembelajaran dengan pencapaian dengan nilai korelasi pada tahap sederhana dan menunjukkan kecerunan positif. Dapatkan ini menunjukkan semakin tinggi skor persekitaran pembelajaran seseorang murid itu semakin tinggi juga skor dalam pencapaian murid tersebut. Hal ini bermaksud, persekitaran pembelajaran murid yang semakin baik dalam pembelajaran kefahaman bacaan Bahasa Arab akan membantu meningkatkan pencapaian murid dalam pengajaran kefahaman bacaan Bahasa Arab.

Analisis secara terperinci mendapati, sub konstruk sekolah mempunyai hubungan yang paling kuat ( $r = 0.144$ ) dengan pencapaian kefahaman bacaan, berbanding sub konstruk ibu bapa ( $r = 0.140$ ) dan komuniti ( $r = 0.061$ ). Hal ini menunjukkan persekitaran positif yang diwujudkan oleh guru dan sekolah telah berjaya memberikan kesan terhadap pencapaian murid dalam kefahaman bacaan Bahasa Arab. Sehubungan itu, persekitaran pembelajaran murid perlu dimantapkan dan dibugarkan bagi mendapatkan hasil yang cemerlang pencapaian murid dalam kefahaman bacaan Bahasa Arab. Persekitaran sekolah khususnya perlu dititikberatkan oleh guru Bahasa Arab dengan kerjasama semua warga sekolah.

## IMPLIKASI KAJIAN

Sikap murid terhadap bacaan sama ada pada peringkat bacaan umum atau pun bacaan bahasa Arab perlu dipertingkatkan memandangkan dapatan yang diperoleh masih menunjukkan ia berada pada tahap yang tidak memuaskan. Hal ini adalah kerana sikap membaca penting kerana ia merupakan faktor dalaman murid yang mempengaruhi pencapaian murid dalam kefahaman bacaan Bahasa Arab. Memupuk minat membaca khususnya terhadap bahan bacaan bahasa Arab perlu dijalankan di rumah, di sekolah dan masyarakat setempat.

Amalan pengajaran guru bahasa Arab j-QAF menunjukkan berada pada tahap tinggi menurut persepsi guru, namun bagi persepsi murid berada pada tahap sederhana sahaja. Pandangan murid memberikan lebih keutamaan kerana mereka yang menerima proses pengajaran tersebut, dan dilihat lebih telus dalam membuat penilaian dan pandangan mereka dapat dihubungkan dengan pencapaian mereka. Pengkaji mendapati guru bahasa Arab j-QAF mempunyai kemahiran dalam pengajaran, di samping bersifat kreatif dalam menarik minat murid, namun kurang pendedahan diberikan dalam aspek pengajaran kefahaman bacaan bahasa Arab. Justeru itu, guru didapati berjaya membentuk persekitaran yang positif untuk pembelajaran bahasa Arab di sekolah, namun tidak berjaya mempengaruhi pencapaian murid dalam kefahaman bacaan Bahasa Arab.

Penggunaan strategi pengajaran 3S merupakan sesuatu yang asas dalam pengajaran, kerana setiap proses pengajaran dan pembelajaran sudah pasti dimulakan dengan aktiviti permulaan, perkembangan dan penutup pengajaran. Merujuk kepada kajian ini, strategi sebelum bacaan mewakili aktiviti di peringkat permulaan, strategi semasa bacaan mewakili aktiviti di peringkat perkembangan pelajaran dan strategi selepas bacaan mewakili aktiviti di peringkat penutup pengajaran. Kesemua peringkat pengajaran ini perlu dipelbagaikan aktivitinya bagi menyokong pengajaran dan pembelajaran kefahaman bacaan. Sebagai contoh bagi strategi sebelum bacaan, guru boleh menggunakan pelbagai cara untuk menerangkan makna perkataan, dan tidak hanya menggunakan jalan pintas dengan menterjemah perkataan tersebut terus kepada bahasa Melayu. Manakala bagi strategi semasa bacaan pula, guru boleh mengaplikasikan teknik lakonan atau hiwar bagi memudahkan kefahaman murid. Seterusnya bagi strategi selepas bacaan, guru boleh menggunakan teknik hafalan bagi mengukuhkan kefahaman murid.

Persekutaran pembelajaran bahasa Arab masih perlu dipertingkatkan kerana dapatan kajian ini juga ia menunjukkan masih di tahap yang kurang memuaskan. Hal ini adalah kerana persekitaran pembelajaran mampu mempengaruhi amalan pengajaran guru di dalam bilik darjah. Persekutaran yang positif terhadap pembelajaran bahasa Arab mampu menarik minat murid dan mampu memberi kesan terhadap pencapaian murid dalam kefahaman bacaan Bahasa Arab. Peranan daripada pelbagai pihak, khususnya ibu bapa atau keluarga, guru atau sekolah dan komuniti dalam meningkatkan persekitaran pembelajaran bahasa Arab adalah diperlukan.

Pencapaian murid dalam kefahaman bacaan Bahasa Arab secara keseluruhannya adalah memuaskan dan berada pada tahap baik. Namun begitu, masih kedapatan murid yang berada pada tahap sederhana, lemah dan sangat lemah (36.7%) dalam kefahaman bacaan Bahasa Arab yang memerlukan kepada perhatian khusus melalui aktiviti pemulihan dan pengukuhan. Manakala bagi sebilangan besar murid yang berada di peringkat yang lebih cemerlang, perlu diberikan aktiviti pengayaan supaya keupayaan mereka untuk cemerlang dalam pelajaran bahasa Arab tidak disia-siakan. Hal ini adalah kerana kecemerlangan dalam pembelajaran bahasa Arab mampu menyumbang kepada perkembangan keilmuan yang lain khususnya bagi murid yang beragama Islam.

## KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan pemboleh-pemboleh ubah yang dikaji menunjukkan berada pada tahap sederhana iaitu sikap membaca, amalan pengajaran, dan persekitaran pembelajaran menurut persepsi murid. Manakala pencapaian kefahaman bacaan Bahasa Arab berada pada tahap baik sahaja. Semua kajian korelasi menunjukkan hasil yang signifikan kecuali pada hubungan antara amalan pengajaran dengan pencapaian murid. Justeru, kajian ini berjaya melihat hubungan antara pemboleh ubah yang dikaji walaupun ia tidak menunjukkan hasil yang signifikan. Hubungan yang terhasil adalah hubungan tidak langsung yang tidak dinafikan masih wujud dan dijelmakan menerusi pemboleh ubah lain yang saling berkaitan. Sikap membaca murid juga dilihat sebagai pemboleh ubah yang penting dalam kajian ini kerana mampu mempengaruhi amalan pengajaran guru dan pencapaian murid dalam kefahaman bacaan Bahasa Arab.

## RUJUKAN

- Abdul Raof Dalip.1993. *Teknik pengajaran dan pembelajaran agama Islam di sekolah menengah*. Dlm. Pendidikan di Malaysia. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Abdul Rashid Johar & Siti Rahayah Ariffin. 2001. *Isu Pengukuran dan Penilaian Pendidikan*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. 2010. *Huraian sukanan pelajaran bahasa arab tahun Lima*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. 2006. *Laporan kajian penilaian graduan NPQH*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Biggs, J. 1990. *Student Approaches to Learning and Studying*. Melbourne: Australian Council for Educational Research.
- Bryant, P. 1974. *Perception And Understanding In Young Children: An Experimental Approach*. London: Methuen.
- Dunkin, M. J. & Biddle, B. J. 1974. *The Study Of Teaching*. New York: Holt, Rinehart and Winston, Inc.
- Harison Mohd. Sidek. 2010. *Reading instruction : theory and practice*. Bandar Baru Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Ibrahim Hashim, Misnan Jemali, Muhammad Akramin, Mohd Abdul Nasir, Ahmad Zulfikar Shah, Zanariah Noor, Mohd Abdul Aziz Hasanudin Abd Hamid. 2009. *Draf Laporan Akhir Penilaian Pelaksanaan Program j-QAF di Sekolah Rendah Kementerian Pelajaran Malaysia*. Projek Penyelidikan. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Jenkinson, M.D. 1978. *Ways of teaching*. Dlm. Reading From Process to Practice. Chapman, L. J. & Czerniewska (Pnyt.). London: Routledge & Kegan Paul Ltd.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. 1970. *Determining sample size for research activities*. Educational and Psychological Measurement, 30, 607–610.
- Lembaga Peperiksaan. (2010). *Panduan Pengurusan Peperiksaan*. t.t.: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Majdah Mohammad. 2011. *Kajian keberkesanan perlaksanaan bahasa Arab komunikasi dalam program j-QAF di sekolah rendah*. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Marohaini Yusoff. 1999. *Strategi 3S Bacaan Dan Kefahaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Misnan Jemali. 2008. *Amalan pengajaran guru dalam pengajaran dan pembelajaran tilawah al-Quran Sekolah Menengah*. Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Aderi Che Noh. 2008. *Hubungan antara amalan pengajaran guru dengan pencapaian pelajar tingkatan dua di Malaysia*. Tesis Dr. Fal. Universiti Putera Malaysia.

- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Kamarulzaman Abdul Ghani. 2002. *Faktor-faktor yang mempengaruhi kefahaman bacaan Arab di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah agama*. Jurnal Virtec. 61-75.
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. 2005. *Penilaian kemahiran mendengar dalam kurikulum Bahasa Arab Komunikasi*. Tesis Dr. Falsafah. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Paharudin Arbain. 2015. *Eksplorasi Pelaksanaan Pengajaran Tilawah Al-Quran Program j-QAF dan Hubungannya dengan Pencapaian Murid*. Tesis Dr. Fal. Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rusni Abdul Latif. 2007. *Pengajaran kemahiran membaca bahasa Arab komunikasi sekolah kebangsaan (BAKSK) di kalangan guru-guru j-QAF di Negeri Selangor*. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Ryding, K.C.2013. *Teaching and Learning Arabic as a Foreign Language*. Washington: Georgetown University Press.
- Sharifah Fatimah Wan Jamel. 2002. *Pengaruh guru terhadap pembelajaran bahasa Arab: satu kajian kes*. Tesis sarjana. Fakulti Bahasa dan Lingustik, Universiti Malaya.
- Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/1998 KP (BS) 8951/Jld.XIV (9). *Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Kebangsaan*. Purajaya: Pejabat Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia. 1998, Mei 2.
- Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.13/2004. *Pelaksanaan Program j-Qaf di Sekolah Rendah*. Putrajaya: Bahagian Sumber Sekolah Harian, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Yahya Othman. (2003). *Mengajar Membaca- Teori dan Aplikasi*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributions Sdn. Bhd.